Mesej Lima

Batu-batu Hidup dan Domba-domba

Bacaan Bible: 1 Ptr. 2:4-5; Za. 3:9; 4:10; Yoh. 10:11-16; Yeh. 34:11-31

I. Percayawan dilambangkan oleh simbol batu-batu hidup, iaitu orang yang ditransform dengan sifat batu Kristus untuk menjadi rumah rohani Tuhan—1 Ptr. 2:4-5:

A. Menerusi kelahiruan dan transformasi, kita sebagai percayawan dalam Kristus ialah batu-batu hidup seperti Kristus; kita dicipta daripada tanah liat (Roma 9:21); tetapi sewaktu dilahirukan, kita menerima benih hayat divin (1 Ptr. 1:23-24); benih ini bertumbuh dalam kita dan mentransform kita menjadi batu-batu hidup:

1. Ketika Petrus baru percaya, Tuan memberi nama baru kepadanya, iaitu Petrus—batu (Yoh. 1:42); dan apabila Petrus menerima wahi berkenaan Kristus, Tuan mewahikan selanjutnya bahawa Dia ialah batuan—batu (Mat. 16:16-18).
2. Melalui dua kejadian ini, Petrus memperoleh kesan yang mendalam bahawa Kristus dan percayawan-Nya ialah batu-batu untuk pembinaan Tuhan—1 Ptr. 2:4-5.

B. Kristus ialah batu hidup, batu asas, batu penjuru, dan batu puncak bagi pembinaan Tuhan; setelah dilahirkan daripada Tuhan, percayawan dalam Kristus ditransform menjadi batu-batu berharga yang hidup untuk pembinaan gereja yang merupakan rumah rohani Tuhan—ay. 4; 1 Kor. 3:11; Yes. 28:16; Kis. 4:11; Za. 4:7; Yoh. 1:12-13, 42; 1 Ptr. 2:5-7; 1 Kor. 3:12; Mat. 16:18.

C. Kristus yang merupakan batu mempunyai tujuh mata, yang menandakan tujuh Roh Tuhan, yakni Roh yang diperhebat tujuh kali ganda (Za. 3:9; 4:10); Roh yang diperhebat tujuh kali ganda juga dilambangkan oleh tujuh mata Anak Domba (Wahi 5:6) dan tujuh pelita api yang membakar di hadapan takhta Tuhan (4:5):

1. Pelita adalah untuk mencahayai, menyelidik, mendedahkan, menghakim, dan membakar, manakala mata adalah untuk menginfusi; tujuh mata menginfusikan segala apanya Anak Domba-batu ke dalam kita untuk menjadikan kita kaki pelita emas-Nya—Za. 4:2-6, 11-14.
2. Jalan untuk kita menjadi batu-batu hidup adalah dengan datang kepada-Nya dan dilihat-Nya; semasa Tuan mencahayai dan menghakimi kita, Dia melihat kita dan menginfusikan diri-Nya ke dalam kita agar kita ditransform menjadi imej-Nya; kita semua perlu berada di bawah pencahayaan tujuh pelita, tatapan tujuh mata, dan penyaluran hayat Roh yang diperhebat tujuh kali ganda.
3. Apabila Kristus sebagai batu hidup bagi kurnia Tuhan dikonstitusikan ke dalam kita menerusi pengalaman subjektif kita terhadap-Nya, Dia menjadi bantal kita untuk rehat kita bagi menjadikan kita tiang dalam pembinaan Tuhan—Kej. 28:11-12, 17-19a; Za. 4:7; Mat. 11:28-30; Yoh. 1:16-17, 51.

D. Akhirnya, Kristus korporat, Kristus bersama dengan pengantin-Nya yang jayeng, akan datang sebagai batu untuk menghancurkan agregat kerajaan manusia bagi membawa masuk kingdom Tuhan—Dan. 2:34-35; Yoel 3:11; Wahi 19:11-21; bd. Kej. 1:26:

1. Daripada mulut Kristus keluar pedang tajam, agar dengannya Dia dapat membunuh bangsa-bangsa—Wahi 19:15a; bd. 1:16; 2:12, 16.
2. Untuk dikonstitusikan dan dibaurkan dengan Kristus agar menjadi batu penghancur yang korporat, pejuang-pejayeng-Nya yang korporat, kita memerlukan sabda yang membunuh untuk menanggulangi musuh; kita harus mendoa-baca Sabda untuk mengalami pedang sebagai alat yang membunuh—Ef. 6:17-18.

Mesej Lima (sambungan)

II. Percayawan dilambangkan oleh simbol domba, iaitu orang yang berada di bawah penggembalaan organik Kristus—Yoh. 10:11-16; Mzm. 23:1; Mat. 9:36; Ibr. 13:20:

A. Tuan sendiri datang sebagai Gembala untuk mencari domba-Nya dan pergi mendapatkan mereka—Yeh. 34:11-31; Luk. 15:3-7; Wahi 7:17; Yoh. 21:15-17; 1 Ptr. 2:25; 5:3-4.

B. Tuan membawa domba-Nya ke tanah mereka sendiri dan ke gunung-gunung tinggi; tanah menandakan Kristus yang merupakan tanah permai Kanaan, dan gunung-gunung tinggi menandakan Kristus yang bangkit dan naik ke syurga—Yeh. 34:13-14; Kol. 1:12.

C. Tuan membawa domba-Nya kembali ke aliran air, menandakan Roh beri-hayat, dan Dia memberi makan kepada kawanan-Nya di tepi aliran air, menandakan Dia memberi makan kepada percayawan dengan kekayaan-Nya—Yeh. 34:13; Wahi 22:1-2a; 1 Kor. 12:13; Mzm. 36:8.

D. Tuan membawa domba-Nya kembali ke padang rumput yang baik dan subur, menandakan Kristus sebagai bekalan hayat kita, dan membaringkan mereka, menunjukkan bahawa Dia memberi mereka rehat dalaman—Yeh. 34:14-15; Mzm. 23:2; Yoh. 10:9; Mat. 11:28-30.

E. Tuan membalut yang luka dan menguatkan yang sakit; menerusi pembelaian dan pengkhasiatan-Nya, Dia membuat setiap domba yang lemah menjadi kuda-Nya yang gagah tegap dalam peperangan—Yeh. 34:16a; Za. 10:3; 11:7.

F. Tuan melaksanakan penghakiman yang adilbenar untuk menyingkirkan segala hal yang tidak adil dalam kalangan umat Tuhan yang dipulihkan; Dia yang mengkhasiati dan membekali kita ini membuat kita mempunyai perasaan yang tepat berkenaan hubungan kita dengan orang lain; apabila kita mempunyai perasaan sedemikian, kita menghakimi diri kita, dan hasilnya, kita mempunyai kesatuan yang sejati dengan pekudus sebagai satu kawanan—Yeh. 34:17-22; Kol. 3:15.

G. Kristus yang merupakan Daud yang sejati diangkat sebagai Gembala untuk memberi kita makan dan menjadikan kita kenyang dan puas; Dia menjaga kita, termasuk semua masalah dan tanggungjawab kita serta setiap aspek kehidupan kita; hasil daripada Tuan menjaga kita sebagai Gembala ialah kita patuh kepada Dia sebagai Raja kita dan berada di bawah kemaharajaan-Nya—Yeh. 34:23; Mzm. 23; Wahi 7:17; 22:1-2a.

H. Apabila kita mengalami penggembalaan Tuan dan kekal berada di bawah kemaharajaan-Nya, kita menikmati waadah perdamaian-Nya yang terjamin dan tidak berubah, dan tidak lagi tertakluk kepada masalah dan gangguan rohani—Yeh. 37:24-28:

1. Di bawah penggembalaan Tuan, semua binatang jahat, yakni orang durjana, akan dijauhkan daripada umat Tuan yang dipulihkan—34:25a; bd. Kis. 20:28-29; Flp. 3:2-3.
2. Tuan mematahkan kuk kita, menyelamatkan kita daripada pengabdian, dan berjanji bahawa kita tidak akan menjadi mangsa musuh tetapi akan tinggal dengan aman dan damai—Yeh. 34:25b, 27b-28.

I. Menerusi pengalaman terhadap penggembalaan Tuan, umat Tuhan yang dipulihkan mempunyai hadirat Tuhan, Tuhan berada dalam kalangan mereka, dan mereka juga di hadapan Tuhan; ini menggambarkan persekutuan yang sempurna dengan Tuhan—persekutuan dalam kesatuan—dalam pembauran Tuhan dan manusia; dalam persekutuan ini, kita bersatu dengan Tuhan dan Dia bersatu dengan kita—ay. 30-31.

Mesej Lima (sambungan)

J. Menerusi penggembalaan-Nya, Tuan membawa kita ke dalam kenikmatan terhadap berkat-Nya dan menjadikan kita sumber berkat di bawah hujan berkat—ay. 26-27a, 29; Kej. 12:2-3; Roma 15:29; 2 Kor. 1:12, 15; Za. 10:1:
   1. Berkat dalam Bilangan 6:23-27, sama seperti berkat dalam 2 Korintus 13:14, ialah berkat Tuhan Tritunggal yang abadi, iaitu Tuhan Tritunggal mendispenkan diri-Nya dalam Triniti Divin-Nya ke dalam kita untuk kita nikmati.
   2. Untuk menerima berkat Tuan, kita harus mengamalkan kesatuan, dan amalan kesatuan ialah sehati sejiwa—Mzm. 133; Ef. 4:3-4a; Kis. 1:14; 2:46; Roma 15:5-6.

© 2026 Living Stream Ministry